

95 kanak-kanak sertai resital piano

DE 1.1.2018 3
Clarence George Dol

KOTA KINABALU: Seramai 95 orang kanak-kanak dari Ranau, Kota Belud, Kiulu dan Tamparuli mengambil bahagian dalam Symphony Music's 2017 Piano Recital di Dewan Resital UMS di sini, baru-baru ini.

Guru Piano, Amelia Bujang yang juga merupakan penyelaras acara itu, berkata ianya bertujuan untuk menyerlahkan keyakinan diri dan kemahiran sosial kanak-kanak, serta meningkatkan kemahiran prestasi mereka dan membantu mereka untuk fokus pada matlamat mereka.

"Ramai di kalangan mereka merupakan kali pertama membuat persembahan dalam resital dan membantu mereka membina keyakinan diri. Mereka juga berpeluang untuk melihat pelajar-pelajar lain yang seumur dengan mereka membuat persembahan dan bertemu dengan mereka.

"Melalui program ini, kami juga mahu mereka meningkatkan kemahiran persembahan mereka kerana ia adalah sebahagian daripada pengetahuan muzik. Apabila pelajar membuat persembahan di hadapan penonton, mereka akan belajar bermain dengan lebih baik dan bertambah baik pada setiap persembahan."

"Apabila pelajar membuat keputusan



AMELIA (kanan) bersama sebahagian peserta.

untuk membuat persembahan di resital, mereka komited untuk menyediakan dan melaksanakan satu set lagu. Mereka berlatih selama berbulan-bulan untuk mencapai kemahiran yang diperlukan untuk membuat persembahan karya yang terpilih, sehingga membantu mereka merasakan ingin berusaha untuk mencapai matlamat," katanya.

Amelia berkata resital itu adalah konser untuk seorang pemain solo atau kumpulan kecil, yang mengikuti program, seperti mempersembahkan karya-karya komposer tunggal (organ recital).

"Seorang recitalis adalah seorang pe-

muzik yang membuat persembahan yang kerap. Penciptaan persembahan piano solo telah dikaitkan dengan pemain piano terkenal, Franz Liszt, dan hari ini kami mengikuti langkah ini untuk memberikan pendedahan kepada pemain piano muda kami," katanya.

Turut hadir adalah Ketua Pegawai Eksekutif Music Mart Academy and Performance Dr Jannet Lee, Pensyarah Muzik Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan UMS, Adson Matthew Mitty Gabu, juru-acara Rena Samie dan Pastor Gereja Seventh Day Adventist Pastor Wizie Lontuni, antara lain.